

Manifesto Pembangkang Boleh Jejas Pertumbuhan Ekonomi Negara - Awang Adek Bernama
26 Februari, 2013

KOTA BAHARU, 26 Feb (Bernama) -- Manifesto pakatan pembangkang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara yang kini berkembang pesat, kerana pelaksanaan manifesto itu melibatkan implikasi ekonomi yang besar, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin.

"Semua janji-janji itu melibatkan perbelanjaan yang begitu besar. Keduanya pengurangan hasil kepada kerajaan kerana sumber-sumber cukai dimansuhkan umpamanya harga kereta dan ini memberi kesan yang begitu besar terhadap kewangan negara.

"Soal kewangan ini adalah soal yang paling penting. Seperti contoh ada negara di Eropah yang bankrap dan hampir bankrap kerana kegagalan menguruskan soal kewangan dengan baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program 'Evaluation of Learning for Performance Improvement International Postgraduate Colloquium' di sini, Selasa.

Semalam pakatan pembangkang melancarkan manifesto 10 perkara menjelang PRU-13, antaranya pendidikan percuma bermula dari prasekolah hingga menara gading, kad keanggotaan DAP, Parti Keadilan Rakyat dan PAS yang boleh diguna di semua plaza tol untuk mendapat tol percuma selain penurunan cukai eksais kereta secara berperingkat dengan tujuan menghapuskannya dalam tempoh lima tahun.

Awang Adek berkata ini berbeza dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang telah terbukti berjaya membangunkan negara walaupun ketika berlaku kegawatan ekonomi pada satu ketika dahulu.

"Kerajaan BN mempunyai pengalaman menangani apa jua keadaan dan ketika negara lain terpaksa menghadapi tekanan dan tunduk terhadap IMF tetapi kita berjaya menanganinya dengan sangat baik. Kerana pengalaman itu kita telah berjaya melonjak ekonomi negara di tahap 5.6 peratus. Ini satu kejayaan," katanya.

"Saya mempunyai sedikit pengalaman dan bimbang dengan janji-janji politik yang boleh merosakkan tradisi kita dalam pengurusan yang baik ini. Saya bimbang rakyat termakan dengan janji-janji yang akhirnya akan merosakkan mereka," katanya lagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=930429>